

# → SUKAN



**Aksi Jabillin** dalam acara 10 meter platform seirama campuran pada temasya KL2017.

## GP TERJUN KL

# Jabillin teruja diberi kepercayaan

BERITA HARIAN  
27/10/2017 P. 82

**Kuala Lumpur:** Penerjun muda negara, Jellson Jabillin teruja apabila diberi kepercayaan untuk beraksi buat kali pertama di pentas Grand Prix (GP) Terjun Kuala Lumpur di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil.

Ia adalah kejohanan besar pertama buat penerjun muda berusia 16 tahun itu selepas berjaya menyumbangkan dua pingat emas ketika temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

"Pingat emas itu sukar kerana ramai penerjun hebat akan mengambil bahagian. Tapi saya akan cuba. Tambahan pula ia adalah GP pertama saya dan kali pertama saya beraksi bersama mereka yang jauh lebih hebat," katanya.

Jellson diberi kepercayaan oleh ketua jurulatih, Yang Zhuliang beraksi dalam dua acara itu 10m platform seirama campuran bergandingan bersama juara dunia, Cheong Jun Hoong dan 10m platform seirama bersama Hanis Nazirul Jaya Surya.

### Jalani latihan seperti biasa

Sementara itu Zhuliang berkata, atlet negara menjalani latihan seperti biasa namun jarak masa singkat antara temasya Sukan SEA dan GP KL sedikit merencatkan rentak latihan apabila sukar melakukan terjunan darjah kesukaran lebih tinggi.

Namun, beliau yakin barisan penerjun negara mampu memberi aksi lebih baik berbanding KL2017 yang menyaksikan Malaysia menyapu bersih 13 pingat emas dipertandingkan.

Katanya, kehadiran penerjun handalan dari China menjadikan tahap persaingan lebih sengit dan pertandingan kali ini lebih kompetitif.

Selain Jabillin dan Hanis, atlet lain adalah Ooi Tze Liang, Ahmad Amsyar Azman, Muhammad Syafiq Puteh, Nur Dhabitah Sabri, Chew Yiwei, Pandelega Rinong, Kimberly Bong, Leong Mun Yee, Gabriel Gillbert dan Cheong Jun Hoong. **Oleh Aida Adilah Mat**